

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG  
WEI SHIEN [ JULAU ]**

**SOALAN**

**YB TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan status terkini pembinaan 3 buah menara komunikasi baharu di kawasan Parlimen Julau di bawah Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara dan lokasi 3 menara komunikasi tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang mengkaji semula senarai lokasi yang telah dikenalpasti sebelum ini dan membuat perancangan dengan pihak industri untuk memantapkan lagi kualiti dan liputan perkhidmatan di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak menggunakan pelbagai teknologi.
2. Status tiga (3) menara di Parlimen Julau yang dirujuk adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Lokasi</b>	<b>Status</b>
1	Jalan Julau Sibul, SK Nanga Maong	Dalam peringkat pelaksanaan dan dijangka siap pada tahun 2021
2	Kg. Entabai	
3	Nanga Buku 2	Siap beroperasi